

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 6
SURAT

Akses penjagaan kesihatan lebih luas,terangkum

6 Nasional

RANCANGAN MALAYSIA KE-13

RMK13

Akses penjagaan kesihatan lebih luas, terangkum

REFORMASI KESIHATAN



RM40 bilion

- Dana untuk membina & menaik taraf hospital serta klinik kerajaan
- Pembuatan ubat domestik bagi menjamin bekalan perubatan
- Pendigitalan sistem kesihatan
- Cukai pro-kesihatan diperluas kepada tembakau, vape, alkohol

Inisiatif kerajaan beri pilihan perkhidmatan berkualiti dan mampu bayar

Oleh Latifah Ariffin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sepanjang tempoh RMK13, sektor kesihatan akan menerima peruntukan sebanyak RM40 bilion dalam usaha mengurangkan perbelanjaan rakyat atau dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Langkah berkenaan turut memberi pilihan perkhidmatan kesihatan kepada pengguna, di samping terus memastikan perkhidmatan kesihatan berkualiti dan mampu bayar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rangka kerja pembangunan profesional kesihatan peringkat kebangsaan akan dibangunkan dalam menangani isu keperluan sumber manusia dalam sektor berkenaan.

Ikhtiar itu merangkumi latihan praperkhidmatan, pelesenan dan pendaftaran, pengambilan, penempatan, serta pembangunan kerjaya bagi memastikan pengkalan bakat dalam sektor kesihatan.

"Selain itu, pengurusan rekod kesihatan akan diperkuh sebagai teras pendigitalan sistem kesihatan. Usaha ini akan memantapkan keupayaan saling kebolehkendali merentas fasiliti kesihatan.

"Ini akan menyumbang kepada penajaan analitik kesihatan berimpak tinggi yang diperkasa dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) sebagai usaha mempertingkatkan kualiti penjagaan kesihatan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata reformasi kesihatan adalah ikhtiar penting dalam memastikan pembiayaan kesihatan yang mampan dan akses penjagaan lebih meluas dan terangkum.

Tingkat jaminan bekalan ubat

Ia juga mahu memberi pilihan perkhidmatan kesihatan kepada pengguna, di samping terus memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampu bayar.

"Bagi meningkatkan keterjaminan bekalan perubatan, pembuatan ubat domestik akan digalakkan dan penggunaan ubat generik oleh sektor awam dan swasta akan ditingkatkan.

"Kita juga perlu tegas dalam menangani risiko kesihatan. Cukai prokesihatan akan diperluas daripada gula kepada produk seperti tembakau, vape dan alkohol, bukan sekadar untuk hasil, tetapi bagi mendorong perubahan tingkah laku dan membendung peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) yang kian membimbangkan.

"Tidak ada sebab mengapa gula harus murah maka akan ada sedikit usaha untuk memberikan mesej yang jelas supaya rakyat tidak terbeban dengan penyakit yang serius," katanya.

Mengenai penambahbaikan infrastruktur, Anwar memaklumkan kerajaan akan dinaik taraf sepanjang RMK13.

Antaranya, Hospital Tuanku Ja'afar 2, Seremban, Negeri Sembilan, Hospital Sultanah Aminah 2, Johor Bahru, Pusat Kanser Wajayah Utara, Sungai Petani, Kedah, Pusat Jantung Sabah di Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu, Sabah dan Pusat Kanser Sarawak.